



POLISI TAPISAN INTERNET

NEGERI PULAU PINANG

10 OKTOBER 2013

VERSI 1.1

SEJARAH DOKUMEN

TARIKH	VERSI	KELULUSAN	TARIKH KUATKUASA
15 Januari 2009	1.0	Mesyuarat JKP eGG Bil. 1/2009	12 Februari 2009
10 Oktober 2103	1.1	Mesyuarat JKP eGG Bil. 3/2013	16 Disember 2013

**POLISI TAPISAN AKSES KE INTERNET
MENERUSI RANGKAIAN EG NEGERI PULAU PINANG (Rangkaian PenangEG)**

1. TUJUAN TAPISAN AKSES KE INTERNET

Tapisan / kawalan akses ke Internet melalui rangkaian kerajaan negeri (PenangEG) dilaksanakan bertujuan untuk:

- Mengoptima penggunaan bandwidth Internet Kerajaan Negeri yang terhad
- Memastikan produktiviti anggota awam tinggi dan mengawal aktiviti Internet yang tidak berkaitan dengan tugas rasmi jabatan
- Mengawal aset ICT dan rangkaian kerajaan dari sebarang ancaman keselamatan ICT seperti virus, spamming dan malware

2. LATARBELAKANG

2.1 Tapisan akses ke Internet adalah berasaskan adalah berpandukan kepada pekeliling MAMPU – Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2003 bertajuk “ Garis Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Internet dan Mel Elektronik di Agensi-agensi Kerajaan” dan Dasar Keselamatan ICT Negeri. Polisi ini dikuatkuasakan sepenuhnya pada 12 Februari 2009.

2.2 Kajian semula polisi internet telah dilaksanakan pada Ogos 2013 dengan mendapatkan maklumbalas daripada semua ICTSO jabatan/negeri, analisis trend dan pemantauan serta permohonan capaian dikalangan pengguna. Cadangan pindaan polisi tapisan internet telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu eGG Bil. 3/2013 pada 10 Oktober 2013.

3. SENARAI KATEGORI YANG DITAPIS

3.1 KATEGORI UTAMA

Laman-laman yang akan menjejaskan produktiviti anggota awam, mempunyai unsur negatif dan tidak bermoral, jenayah, hasutan dan menggunakan *bandwith* besar seperti *video streaming*. Kategori utama yang dihalang adalah seperti berikut:

- Kategori Utama 1
- Kategori Utama 2

(Sila rujuk senarai kategori seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah)

3.2 KATEGORI *WHITE LIST*

Melibatkan laman-laman yang disekat tetapi diperlukan untuk tujuan urusan rasmi.

Senarai laman bagi kategori ini ditambah dari masa ke semasa berdasarkan input pengguna. Unit Keselamatan ICT PTMKN akan menyemak laman tersebut dan sekiranya tidak tergolong dalam kategori utama dan bebas dari ancaman keselamatan ICT, maka laman ini akan dimasukkan dalam dua jenis sub kategori iaitu:

- *White list* Jenis A – akses di luar waktu pejabat dan waktu rehat.
- *White list* Jenis B – akses sepanjang masa.

4. PENGECUALIAN

4.1 Dengan perkembangan penggunaan media sosial di agensi kerajaan, pengecualian khas diberi untuk capaian laman media sosial seperti facebook, twitter dan youtube pada waktu rehat.

4.2 Pengecualian khas juga diberi kepada pegawai-pegawai ICT untuk capaian laman di bawah kategori '*shareware and freeware*' dengan syarat mendapat kebenaran bertulis daripada ketua jabatan masing-masing. Kebenaran ini diberi untuk membolehkan pegawai-pegawai ICT dapat memuat turun perisian-perisian sah yang diperlukan dalam menjalankan tugas-tugas rasmi jabatan.

5. WAKTU SEKATAN

- Sepanjang Masa – Kategori Utama A
- Waktu Pejabat dan Rehat – Kategori Utama B
- Waktu Pejabat – Kategori *White list* A

*Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri
Pejabat SUK Pulau Pinang*

Tarikh kemaskini : 16 Disember 2013

Polisi Tapisan Internet/PTMKN-PSUKPP

JADUAL KATEGORI/POLISI TAPISAN INTERNET

KATEGORI TAPISAN	POLISI	MASA SEKATAN
KATEGORI UTAMA 1 Abused-drugs Abortion Adult Alcohol and Tobacco Gambling Games Hacking Malware Nudity Online Storage and Backup Peer to peer Phishin Private IP Addresses Proxy Avoidance and Anonymizers Shareware and Freeware Sex Education Web Advertisement	BLOCK	SEPANJANG MASA
KATEGORI UTAMA 2 Auction Dating Music Parked Streaming Media Swimsuits and Intimate Apparel	BLOCK	WAKTU PEJABAT & WAKTU REHAT
KATEGORI WHITELIST – JENIS A	ALLOW	DI LUAR WAKTU PEJABAT & WAKTU REHAT
KATEGORI WHITELIST – JENIS B	ALLOW	SEPANJANG MASA
SELAIN KATEGORI DI ATAS	ALLOW	SEPANJANG MASA

Polisi Tapisan Internet/PTMKN-PSUKPP